

# Pusat ikut undang-undang bayar royalti minyak, gas

Oleh Kadir Dikoh

BH 28 OCT 2000

## Bayaran akan diberi jika minyak atau gas dijumpai di daratan atau di perairan dengan jarak tiga batu nautika dari pantai

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan Pusat akan hanya membayar royalti kepada Terengganu jika minyak dan gas ditemui di kawasan daratan dan pesisiran pantai negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Itu dia bolehlah dapat royalti. Kita tak dapat bercakap apa-apa kerana itu undang-undang. Kita ikut undang-undang," katanya diminta mengulas dakwaan Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang mengenai penemuan komoditi itu di kawasan daratan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata Pas tidak berani mempertikaikan pemberian wang ihsan kepada Terengganu dari segi undang-undang kerana ia jelas bukan be-

rupa pembayaran royalti seperti yang parti itu mahukan.

Katanya, Kerajaan Pusat bertindak mengikut undang-undang berkaitan pembayaran itu kerana royalti hanya akan dibayar bagi minyak yang ditemui di kawasan perairan dengan jarak tiga batu nautika dari pantai.

"Lebih daripada itu (tiga batu nautika) bukan hak Terengganu. Oleh sebab itu mereka tidak mempersoalkannya dari segi undang-undang," katanya pada sidang akhbar selepas pembentangan Belan-

jawan 2001 oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zaidin di Dewan Rakyat hari ini.

Ditanya daripada segi undang-undang berhubung perjanjian yang dibuat sama ada ia membolehkan pembayaran royalti atau wang ihsan, beliau berkata ia jelas sebagai wang ihsan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kekecohan dalam Dewan Rakyat berhubung isu itu ketika pembentangan Belanjawan 2001.

Dr Mahathir berkata, bagi penemuan dan pene-

roakan minyak di luar dari kawasan yang ditetapkan itu, ia bukan lagi milik Terengganu.

"Ini soal parti lawan, marah kononnya kita dulu gunakan wang ihsan. Saya akui memang kita dulu guna royalti tapi hakikatnya ia bukan royalti tapi wang ihsan," katanya.

Secara berkias, beliau berkata: "Kata orang, ros dengan nama lain sekalipun tetap berbau wangi, jadi sama ada anda menamakannya royalti atau ihsan, ia tetap ros, dan ros itu ialah ihsan."

Beliau berkata, adalah perlu bagi seseorang termasuk di kalangan menteri sendiri menggunakan perkataan yang tepat bagi menjelaskan isu wang ihsan itu.

"Kadang-kala menteri apabila dia bercakap, mereka tidak berhati-hati mengenai perkataan yang digunakan. Pada masa lalu, kita gunakan (perkataan) royalti.

"Saya juga dulu ada orang yang jadi menteri dalam kerajaan, dia maki Pas tapi sekarang ini dia sokong Pas... jadi Pas tak kata dulu dia bohong pasal dia kini sokong Pas, dia seronoklah.

"Sepatutnya, dia kata awak selalu bohong, dulu kata lain sekarang kata lain, tetapi sekarang ni dia junjung tinggilah orang tu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kesal dengan tindakan pembangkang yang cuba menunjuk kejajahan

## BELANJAWAN 2001



kerana pembentangan Belanjawan disiarkan secara langsung menerusi stesen penyiaran tempatan.

Katanya, perkara seperti itu tidak sepatutnya berlaku dan pembangkang seharusnya mengetahui peraturan Dewan Rakyat yang memerlukan Daim memberi izin, sebelum mereka boleh bersuara.

Menjawab dakwaan Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor, bahawa pembangkang tidak akan membawa kes wang ihsan ke mahkamah, sebaliknya hanya ingin Kerajaan Pusat menunaikan janji mengikut perjanjian, Abdullah yang juga Pengerusi Whip Umno di Dewan Rakyat berkata:

"Kita janji bagi duit pada

rakyat, kita janji akan belanja wang bagi kemajuan rakyat dan negeri Terengganu dan itu yang kita laksanakan.

"Ketika saya berada di Terengganu semalam, saya sudah bercakap mengenai perkara itu dan tidak ada rakyat Terengganu kata tak mahu terima wang itu, kerana wang itu (sekarang) akan dibayar terus kepada mereka (rakyat) tanpa melalui kerajaan negeri... jadi tidak ada masalah di sini," katanya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata tindakan Pas itu memperlihatkan tindakan yang tidak sopan malah boleh dianggap mempamerkan budaya samseng dalam Dewan Rakyat.